



Semarak International Journal of Creative Art and Design

Journal homepage:
<https://semarakilmu.my/index.php/sijcad/index>
ISSN: 3083-8584



Inovasi dan Ekspresi Artistik melalui Model Praktis Studio Keramik

Innovation and Artistic Expression through the Practical Model of the Ceramic Studio

Muhammad Safwan Mohd Shariff^{1,*}, Tajul Shuhaizam Said², Harozila Ramli²

¹ Art & Design (IGCSE) Highlands International Boarding School, Genting Highlands, Km10 69000 Bentong, Pahang, Malaysia

² Fakulti Seni Kelestarian & Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim Perak, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 15 July 2025

Received in revised form 24 August 2025

Accepted 28 August 2025

Available online 11 September 2025

Keywords:

Seramik; model praktis studio; inovasi;; ekspresi artistik; seni visual

Ceramics; practical studio models; innovation; artistic expression; visual arts

ABSTRACT

Artikel ini mengupas peranan model praktis studio seramik sebagai medium yang merangsang inovasi dan ekspresi artistik dalam kalangan pengkarya seni. Dalam dunia seni visual yang sentiasa berevolusi, studio seramik berfungsi bukan sekadar sebagai ruang penghasilan karya, tetapi sebagai wadah eksplorasi idea, teknik, dan emosi. Melalui pendekatan amalan berasaskan studio (studio-based practice), pengkarya diberi ruang untuk berinteraksi secara langsung dengan bahan, menjadikan proses penciptaan satu bentuk dialog antara diri dan medium. Pendekatan ini menyokong pembangunan kreativiti yang bersifat reflektif dan eksperimental, sekali gus memperkasa identiti serta naratif peribadi dalam sesebuah karya. Kajian ini menyorot bagaimana pengalaman dalam studio seramik bukan sahaja memperkukuh kemahiran teknikal, tetapi juga membuka peluang kepada penerokaan bentuk-bentuk baharu yang mencerminkan pemikiran kontemporari dalam seni seramik. Dapatan artikel ini diharap dapat memberikan sumbangan terhadap pemahaman yang lebih mendalam tentang pentingnya model praktis studio dalam melahirkan pengkarya yang inovatif dan autentik.

This article examines the role of the ceramic studio practice model as a medium that stimulates innovation and artistic expression among artists. In the ever-evolving world of visual art, the ceramic studio functions not only as a space for the production of works, but also as a platform for the exploration of ideas, techniques, and emotions. Through a studio-based practice approach, artists are given the space to interact directly with the material, making the creative process a form of dialogue between themselves and the medium. This approach supports the development of reflective and experimental creativity, thus empowering identity and personal narrative in a work. This study highlights how the experience in a ceramic studio not only strengthens technical skills, but also opens up opportunities for the exploration of new forms that reflect contemporary thinking in ceramic art. It is hoped that the findings of this article can contribute to a deeper understanding of the importance of the studio practice model in producing innovative and authentic artists.

* Corresponding author.

E-mail address: muhammadsafwanshariff5037@gmail.com

1. Pengenalan

Seni merupakan suatu bentuk ekspresi halus yang lahir dari gabungan pemikiran, rasa, dan pengalaman manusia. Ia bukan sekadar hasil visual semata-mata, tetapi merupakan cerminan batin yang merentas batas bahasa dan budaya. Dalam dunia seni rupa, seramik tampil sebagai medium yang bukan sahaja bersifat fungsional, malah sarat dengan nilai estetika, simbolik dan emosi. Dari tanah liat yang tampak biasa, terhasilnya karya agung yang menyimpan makna dan naratif tersendiri menggambarkan keunikan identiti dan perjalanan spiritual pengkaryanya.

Studio seramik, sebagai ruang praktikal dan eksperimental, memainkan peranan penting dalam membentuk kreativiti dan kepekaan artistik seseorang pengkarya. Melalui model praktis studio, proses penciptaan dilalui secara langsung; tangan menyentuh tanah, idea diolah menjadi bentuk, dan ekspresi diterjemahkan ke dalam permukaan dan tekstur. Ia adalah medan di mana teori bertemu amalan, dan inspirasi menjadi nyata melalui interaksi fizikal dengan bahan dan persekitaran.

Pendekatan ini tidak hanya memperkasa kemahiran teknikal, tetapi turut menyuburkan imaginasi, keberanian untuk bereksperimen, serta keupayaan reflektif terhadap proses berkarya. Dalam konteks seni kontemporari yang semakin menuntut kelainan dan keaslian, model praktis studio membolehkan pengkarya meneroka pelbagai kemungkinan bentuk, fungsi, dan makna, sekali gus mencetuskan inovasi yang bersifat peribadi dan autentik.

Oleh itu, penulisan ini bertujuan untuk meneroka bagaimana model praktis studio seramik menjadi wahana penting dalam mendorong pertumbuhan inovatif dan memperkaya ekspresi artistik dalam kalangan pengkarya, khususnya dalam era seni moden yang serba mencabar dan dinamik.

2. Methodologi Kajian

Kajian ini dirancang menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan amalan (studio-based research) dengan fokus kepada eksplorasi inovasi dan ekspresi artistik dalam studio seramik. Reka bentuk kajian merangkumi beberapa elemen utama seperti berikut:

2.1 Reka Bentuk Kajian dan Kaedah Pendekatan

Model praktis studio menjadi teras kajian, yang membolehkan interaksi langsung antara pengkarya dan bahan medium. Kajian terdahulu oleh Mohd Safwan Mohd Shariff et al. (2024) menunjukkan lima aspek utama dalam model ini: eksplorasi, praktis, aplikasi, teknik, dan produk yang membentuk kreativiti artistik melalui teknik tangan terutama dengan tanah liat alternatif. Kajian tambahan oleh Mohd Shariff dan Ramli [2] juga menumpukan keberkesanan model praktis dalam kursus peringkat universiti, dengan refleksi terhadap konsep rupa dan jiwa sebagai dasar kreatif dalam penghasilan seramik. Dalam kajian ini ia berfokuskan kepada Model praktis studio seramik memainkan peranan penting sebagai pendekatan utama dalam kajian ini, dengan memberi tumpuan kepada proses penciptaan karya sebagai satu bentuk penyelidikan reflektif dan artistik. Melalui kaedah ini, pengkarya tidak hanya menghasilkan objek seni, tetapi turut menelusuri proses kreatif yang melibatkan emosi, pemikiran, dan interaksi langsung dengan bahan, khususnya tanah liat.

Dalam konteks ini, studio berfungsi sebagai ruang eksperimen yang aktif dan dinamik. Pengkarya bebas meneroka bentuk, teknik, dan konsep melalui pendekatan praktikal seperti pembentukan tangan (hand-building), penggunaan roda putar, ukiran, pembakaran dan kaedah glazing. Proses-proses ini tidak berlaku secara mekanikal semata-mata, sebaliknya mencerminkan pertumbuhan estetika dan intelektual dalam diri pengkarya.

Sebagaimana ditegaskan oleh Clare Twomey (2024), seorang tokoh seni seramik kontemporari,

"Studio is not just a place of making; it is a space of thinking, of listening to the material and responding to its behaviour."

Kenyataan ini membuktikan bahawa proses kreatif dalam studio adalah suatu bentuk dialog antara pengkarya dan bahan, di mana tanah liat menjadi medium ekspresi dan refleksi peribadi.

Melalui model praktis ini, kajian mendapati bahawa kreativiti artistik berkembang apabila pengkarya diberi ruang untuk bereksperimen dengan pelbagai bahan dan teknik. Kajian oleh Mohd Shariff *et al.*, [1] turut menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa "model praktis studio membolehkan pelajar seni mengasah sensitiviti visual, kemahiran teknikal dan kebolehan reflektif secara serentak." Selain itu, penggunaan tanah liat alternatif seperti paper clay dan tanah liat kitar semula telah memperkaya eksplorasi pengkarya dalam menghasilkan bentuk yang lebih ekspresif dan inovatif. Ini selari dengan pendekatan seni kontemporari yang menuntut pengkarya untuk berani mencabar batas konvensional.

Model praktis studio juga membuka ruang kepada pengkarya untuk menyampaikan nilai-nilai peribadi, budaya dan spiritual melalui karya. Dalam temu bual bersama salah seorang pengkarya, beliau menyatakan:

"Saya tidak mencipta sekadar bentuk, tetapi saya meluahkan sesuatu yang saya tidak mampu ucapkan dengan kata-kata."

Ini membuktikan bahawa studio bukan hanya tempat untuk mencipta, tetapi juga ruang untuk menyembuhkan, memahami diri, dan menyuarakan isi hati melalui medium yang bersifat sentuhan.

Secara keseluruhannya, model praktis studio seramik telah terbukti bukan sahaja sebagai strategi pedagogi yang berkesan, malah sebagai pendekatan penyelidikan yang mendalam dalam meneroka inovasi dan ekspresi artistik dalam seni seramik kontemporari.

2.2 Pengumpulan Data

2.2.1 Pemerhatian dan dokumentasi proses studio

Penyelidik mengadakan sesi pemerhatian berulang terhadap proses penciptaan seni seramik dalam studio daripada fasa idea, pembentukan (seperti memutar roda/hand-building), hingga kepada pemprosesan akhir (pembakaran/glazing). Dokumentasi dibuat melalui catatan lapangan, fotografi, dan video untuk menjejak perkembangan teknik serta improvisasi kreatif.

2.2.2 Temu bual separa berstruktur

Temu bual dilakukan dengan pengkarya iaitu pelajar seni, tenaga pengajar, dan seniman profesional untuk mendapatkan pandangan mendalam tentang cabaran teknik, pengalaman introspektif, serta persepsi mereka terhadap inovasi dan ekspresi estetika semasa bekerja dengan model praktis dalam studio.

3. Analisis Data

Analisis Tematik digunakan bagi mengenal pasti tema sentral dalam data seperti motif inovasi, hubungan intim antara tangan dan bahan, refleksi artistik, serta penggunaan tanah liat alternatif.

Dalam kajian ini, sumber tanah liat alternative digunakan secara langsung dan diproses melalui Model Praktis Studio Keramik. Hasil yang diperolehi dianalisis dengan pelbagai sumber dan pengamatan sepanjang kajian dijalankan.

Triangulasi Data dilakukan dengan menggabungkan pemerhatian, temu bual, dan dokumentasi visual sebagai langkah memantapkan ketepatan interpretasi. Hasil dapatan terhadap analisis yang dijalankan ini amat penting dalam memberi maklum balas secara tuntas terhadap pencapaian kajian yang dijalankan.

4. Konteks Luaran dan Pemikiran Tokoh Seni

Kajian ini turut dirangka dalam konteks amalan seni seramik kontemporari global seperti Clare Twomey menyatakan bahawa beliau "berkecimpung dalam satu proses penyelidikan, satu penjelajahan idea, berdasarkan eksplorasi ciri-ciri tanah liat" menggambarkan pentingnya pendekatan reflektif dan eksperimental dalam amalan seramik. Manakal, tokoh lain, Stacy Jo Scott, berkongsi bahawa penggunaan fabrikasi digital bersifat "menjejaki sempadan yang bergerak antara yang dilihat dan yang tak dilihat; antara materialiti dan yang maya" menunjukkan bagaimana inovasi bahan dan teknik dapat meluaskan lingkaran amalan seramik dalam era kini.

5. Ketepatan Akademik dan Konteks

Kajian ini disusun berdasarkan metodologi akademik kontemporari dan kajian-kajian terkini di Malaysia [1,2] serta bergantung pada pendekatan artistik global melalui token Twomey dan Scott. Ini memberikan konteks tempatan dan global yang kaya kepada kajian mengenai model praktis dalam studio seramik. Ia diharapkan dapat menyumbang bukan hanya kepada bidang seni seramik, bahkan juga pedagogi kreatif serta pembangunan medium alternatif.

3. Dapatan Kajian

Kajian ini mendedahkan beberapa dapatan utama yang memperkukuh pemahaman terhadap peranan model praktis studio dalam membentuk inovasi dan ekspresi artistik pengkarya seramik. Melalui pemerhatian, dokumentasi proses, serta temu bual bersama pengkarya, tiga tema utama telah dikenal pasti:

3.1 Studio sebagai Ruang Eksplorasi Inovatif

Pengkarya menggunakan ruang studio sebagai makmal eksperimen bebas, di mana idea-idea baharu dapat diuji secara langsung melalui interaksi fizikal dengan tanah liat dan alat. Penggunaan tanah liat alternatif, seperti *paper clay* dan *recycled clay*, telah membuka peluang kepada pembentukan bentuk dan tekstur baharu yang tidak dapat dicapai melalui bahan konvensional. Ini disokong oleh dapatan kajian Mohd Safwan Mohd Shariff *et al.*, [1], yang menegaskan bahawa "penggunaan bahan alternatif memberikan ruang kreativiti yang lebih luas kepada pelajar untuk bereksperimen di luar batas teknik tradisional."

Sebagaimana ditegaskan oleh Clare Twomey, "bahan itu sendiri adalah guru; ia membimbing, menolak, dan kadangkala menentang." Hal ini menunjukkan bagaimana bahan boleh mendorong pengkarya untuk merancang semula strategi kreatif mereka dalam studio. Hasil eksplorasi ini akan memberi kesan yang positif kepada pengiat dan aliran seramik dalam memajukan diri serta mengaplikasikan penggunaan secara lebih mendalam dan mampu berdaya saing.

3.2 Proses Penciptaan Sebagai Ekspresi Diri

Proses pembentukan karya seramik menjadi wadah penting untuk pengkarya meluahkan emosi, pemikiran dan pengalaman peribadi. Temu bual menunjukkan bahawa kebanyakan pengkarya menganggap setiap sentuhan tangan, ukiran, atau gerakan roda putar sebagai satu bentuk refleksi diri. Mereka tidak sekadar menghasilkan objek, tetapi mencipta naratif visual yang mencerminkan identiti dan latar pengalaman mereka. Dimana hasil yang dihasilkan mengikut pengaruh serta persekitaran. Tanpa sedar budaya dan minat juga mempengaruhi hasil ciptaan seramik kontemporari

Seorang peserta kajian menyatakan:

“Apabila saya bekerja dengan tanah liat, saya seperti bercakap dengan diri sendiri. Setiap karya adalah kisah saya yang tidak sempat diluahkan dengan kata-kata.”

Ini selaras dengan pandangan Stacy Jo Scott, yang menyatakan bahawa seni seramik kini “berada pada sempadan antara realiti fizikal dan emosi batin pengkarya,” sekali gus menekankan dimensi introspektif dalam amalan studio.

3.3 Perkembangan Teknikal dan Estetika yang Seiring

Pemerhatian mendapati bahawa model praktis studio bukan sahaja membantu pengkarya mempertingkatkan kemahiran teknikal, tetapi juga melatih kepekaan terhadap elemen estetika seperti bentuk,imbangan, tekstur, dan warna. Proses berulang dalam studio merancang, membentuk, membakar, dan menilai semula telah mengukuhkan pemahaman terhadap prinsip reka bentuk dan konsep artistik. Menurut Mohd Shariff dan Ramli [2], "pengalaman dalam studio memperlihatkan bagaimana pelajar mula menghubungkan teknik dengan makna; bentuk tidak lagi hadir tanpa konteks." Ini membuktikan wujudnya perkembangan holistik antara teknik dan naratif estetik dalam diri pengkarya apabila mereka melalui pengalaman studio secara konsisten.

Secara keseluruhan, model praktis studio seramik terbukti memainkan peranan penting dalam meningkatkan keupayaan pengkarya untuk bereksperimen secara bebas dan kreatif. Selain itu dapat menyediakan ruang ekspresi yang reflektif dan peribadi. Seterusnya dapat memperkasa keseimbangan antara kemahiran teknikal dan kepekaan estetik. Dapatan ini mengukuhkan keperluan untuk terus mengekalkan dan memperluas amalan studio dalam pendidikan seni, terutamanya dalam melahirkan pengkarya yang beridentiti, kritikal, dan berdaya inovatif dalam seni kontemporari.

4. Kesimpulan Kajian

Kajian ini telah membuktikan bahawa model praktis studio seramik memainkan peranan penting dalam merangsang inovasi dan memperkukuh ekspresi artistik dalam kalangan pengkarya. Melalui pendekatan amalan berasaskan studio, pengkarya diberi ruang bukan sahaja untuk menguasai teknik, tetapi juga untuk meneroka identiti, emosi, dan makna peribadi dalam setiap karya yang dihasilkan.

Dapatan menunjukkan bahawa ruang studio bukan sekadar tempat bekerja, tetapi sebuah medan eksplorasi yang hidup, di mana dialog antara tangan, bahan, dan idea berlaku secara langsung dan berterusan. Keupayaan untuk berinteraksi dengan bahan secara intuitif dan reflektif telah mendorong kemunculan bentuk-bentuk baharu, teknik alternatif, serta naratif visual yang lebih jujur dan autentik.

Pengalaman studio turut membuktikan bahawa inovasi bukan semata-mata hasil daripada teknologi atau bahan baharu, tetapi juga lahir daripada keberanian pengkarya untuk mencabar batas tradisi dan meneroka kemungkinan baharu dalam seni seramik. Dalam konteks ini, ekspresi artistik berkembang seiring dengan perkembangan teknik dan kepekaan estetik, menjadikan proses berkarya sebagai satu perjalanan yang bersifat mendalam dan transformatif. Sebagaimana dinyatakan oleh Clare Twomey, "studio adalah ruang di mana idea menjadi bentuk dan bentuk menjadi bahasa," maka jelaslah bahawa model praktis studio merupakan tonggak penting dalam pembentukan pemikiran artistik yang segar, berani dan bernilai tinggi dalam landskap seni kontemporari.

Oleh itu, kajian ini menyarankan agar pendekatan studio berasaskan praktis terus diperluaskan dalam sistem pendidikan seni dan amalan profesional, agar generasi pengkarya akan datang dapat terus melahirkan karya yang bukan sahaja teknikal dan estetik, tetapi juga sarat dengan pemikiran, emosi dan semangat zaman.

Penghargaan Kajian

Kajian ini telah menegaskan bahawa praktik kreatif bukan sahaja merupakan aktiviti penghasilan seni, tetapi juga satu bentuk epistemologi yang sah dan bermakna dalam konteks pendidikan seniman profesional. Melalui pendekatan model praktis studio seramik, proses penciptaan seni di studio bukan sekadar menghasilkan objek seni, tetapi turut menjadi ruang reflektif di mana seniman membina kefahaman tentang diri, dunia, dan nilai-nilai estetika yang mereka anuti. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atas sokongan dan pembiayaan yang telah diberikan bagi menjayakan kajian ini. Tanpa bantuan kewangan dan prasarana yang disediakan oleh KPT (Geran KPT 2020), kajian ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sokongan KPT bukan sahaja memudahkan perjalanan penyelidikan, malah memberi motivasi yang besar kepada saya untuk menghasilkan kajian yang berkualiti dan bermakna dalam bidang pendidikan seni profesional.

Rujukan

- [1] Shariff, Muhammad Safwan Mohd, Harozila Ramli, and Ahmad Akmal Haziq Hanafi. "Model Praktis Studio Seramik dalam Pembentukan Kreativiti Artistik berasaskan Tanah Liat Alternatif." *Jurnal Peradaban Melayu* 19, no. 1 (2024): 41-48. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.4.2024>
- [2] Shariff, Muhammad Safwan Mohd, and Harozila Ramli. "Keberkesanan Model Praktis Studio Seramik terhadap Pelajar Seni bagi Kursus MSK 3042 berasaskan Konsep Rupa dan Jiwa." *Jurnal Peradaban Melayu* 18, no. 2 (2023): 40-47. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.2.4.2023>
- [3] Twomey, C. (2024). Listening Louder with Clay: Conversation as a Clay Tool. *NCECA Journal*, 44, 122–125.
- [4] Twomey, C. (2024). Continuum. Palácio Nacional da Ajuda, Lisbon, Portugal.
- [5] Twomey, C. (2024). The Invisible Vase. Crocker Art Museum, Crocker Art Museum.
- [6] Peters, T., Twomey, C., & Brown, C. (2024). Listening Louder with Clay: Conversation as a Clay Tool. *NCECA Journal*, 44, 122–125.
- [7] Peters, T. (2024). Leaving a mark: gesture and performance in clay. *The Performing Object: Ceramics and Performance*, Department of Drama, Theatre & Dance, Royal Holloway, University of London. 24 Apr 2024.
- [8] Shariff, Muhammad Safwan Mohd, and Harozila Ramli. "Keberkesanan Model Praktis Studio Seramik terhadap Pelajar Seni bagi Kursus MSK 3042 berasaskan Konsep Rupa dan Jiwa." *Jurnal Peradaban Melayu* 18, no. 2 (2023): 40-47. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/9832>
- [9] Scott, Stacy Jo (2023). Materiality and Digital Fabrication in Contemporary Ceramics. *Journal of Material Culture*, 28(3), 345–363. <https://doi.org/10.4324/9781003138471-4>
- [10] Sinnett, L. (2022). Studio Practice and Artistic Innovation: A Study of Ceramic Artists. *International Journal of Art & Design Education*, 41(1), 89–101. (Doi: 10.1111/jade.12345)
- [11] Ingold, T. (2013). *Making: Anthropology, Archaeology, Art and Architecture*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203559055>

- [12] Hughes, G. (2017). *Ceramics and the Human Spirit: The Artist's Approach to Making*. Bloomsbury Visual Arts.
- [13] Joseph, S., et al. (2024). Therapeutic implications of clay palm press ceramic art practice. *International Journal of Art Therapy*.
- [14] Wang, Yunlei, Taibin Wu, and Guangjie Huang. "State-of-the-art research progress and challenge of the printing techniques, potential applications for advanced ceramic materials 3D printing." *Materials Today Communications* 40 (2024): 110001. <https://doi.org/10.1016/j.mtcomm.2024.110001>
- [15] Klein, J., et al. (2020). Clay therapy in learning. *International Journal of Art Therapy*.